

Aplikasi 'Terawhere' permudah kongsi kereta ke masjid bagi tarawih



APLIKASI BERMANFAAT: Beberapa anggota MSociety termasuk Tengku Muhammad Hafidzuddin (barisan depan di tengah) menghasilkan aplikasi *Terawhere* bagi memudahkan perjalanan umat Islam setempat ke tempat solat tarawih. – Foto-foto MSOCIETY



KONGSI KERETA KE MASJID: Aplikasi *Terawhere* yang dicipta belia daripada MSociety ini menawarkan khidmat kongsi kereta percuma bagi membawa pengguna ke tempat solat tarawih sepanjang Ramadan.

► **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

SETIAP Ramadan, tempoh antara maghrib dengan isyak boleh dikatakan agak sibuk bagi kebanyakan umat Islam.

Dalam masa sekitar satu jam setengah, mereka perlu membuka puasa, solat maghrib dan bergegas ke masjid atau ruang musala di estet perumahan bagi menunaikan solat isyak dan tarawih secara berjemaah.

Ada yang setakat perlu berjalan kaki sahaja. Namun ramai juga yang menaiki bas atau teksi untuk ke masjid atau ruang musala.

Tidak kurang yang memandu kereta walau perlu menghadapi kesesakan lalu lintas dan masalah meletak kereta.

Tahun ini, umat Islam di sini boleh mencuba cara baru ke tempat solat tarawih iaitu secara *car-pool* atau kongsi kereta.

Secara ringkas, khidmat aplikasi yang dikenali sebagai *Terawhere* ini membolehkan sekumpulan orang menumpang satu kereta ke masjid atau ruang musala yang sama.

Tiada bayaran dikenakan bagi memuat turun aplikasi ini atau menggunakan khidmat ini.

Terawhere yang merupakan gabungan perkataan 'Terawih' dan 'Where' iaitu 'Tarawih' dan 'Di Mana' dihasilkan MSociety, sekumpulan belia Islam setempat yang mahir dalam pengkodan.

Sekitar 15 belia menghasilkan aplikasi tersebut yang sedang dibangunkan dan bakal dilancarkan beberapa hari sebelum Ramadan.

"*Terawhere* bertujuan memudahkan proses perjalanan menuju ke lokasi solat tarawih dengan membolehkan pengguna mencari kereta berdekatan yang juga dalam perjalanan sama, dan menumpang kereta itu," jelas pengasas MSociety, Tengku Muhammad Hafidzuddin Tengku Ibrahim.

Melalui aplikasi *Terawhere*, pemandu boleh meletakkan masa dan tempat mengambil penumpang serta bilangan penumpang yang boleh diambil.

Penumpang pula boleh mencari kereta yang berada dekat dengan mereka dan menempah tempat duduk.

Terawhere turut membolehkan

penumpang melihat tempat solat tarawih yang ingin dituju pemandu.

Selain memudahkan orang ramai menuju ke destinasi solat tarawih mereka, Tengku Muhammad Hafidzuddin, 24 tahun, berkata aplikasi itu mempunyai beberapa manfaat lain seperti mengeratkan silaturahim dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

"Pemandu berpeluang melakukan kebaikan dengan memudahkan orang lain menunaikan solat tarawih. Jemaah pula mempunyai ruang berinteraksi antara satu sama lain dalam perjalanan menuju ke masjid."

"Pada masa yang sama, khidmat ini dapat mengurangkan kesesakan di kawasan masjid, di samping mengurangkan jejak karbon," kata penuntut tahun dua dalam jurusan sistem maklumat di Universiti Nasional Singapura (NUS) itu.

Tengku Muhammad Hafidzuddin menambah bahawa buat masa ini, *Terawhere* direka bagi membawa pengguna ke tempat solat tarawih sahaja.

Namun beliau percaya ramai pengguna akan berbincang dengan pemandu sekiranya mahu menumpang kereta yang sama untuk pulang ke rumah.

Terawhere merupakan aplikasi pertama yang dihasilkan MSociety yang ditubuhkan awal tahun ini.

Kumpulan itu menyatukan penggemar pengkomputeran untuk belajar daripada satu sama lain dan membangunkan aplikasi bermanfaat bagi masyarakat.

Beberapa anggota kumpulan tersebut telah menghasilkan aplikasi bagi manfaat masyarakat Islam seperti *Mahram Check* bagi mengetahui siapa mahram lelaki dan wanita, *Dhikr & Dua - Quran*, Ramadan yang mengongsi lebih 200 doa serta zikir, dan *PrayerTime.sg* yang menyediakan senarai waktu solat di Singapura.

Tengku Muhammad Hafidzuddin berpendapat aplikasi *Terawhere* berpotensi diluaskan.

Sebagai contoh, membawa orang ramai ke masjid bagi solat Jumaat atau ke acara keagamaan.

"Inilah yang MSociety harap dapat usahakan - mempunyai wadah yang membolehkan kami meraih kemahiran dengan mempelajari daripada satu sama lain, dan menggunakannya dengan menghasilkan aplikasi berguna bagi masyarakat."

"Visi kami adalah mempunyai masyarakat pencipta penyelesaian yang berkemahiran," katanya.